

**SURAT SETUJU TERIMA  
(Bagi Sebut harga Kerja)  
Untuk Perolehan Bagi Kerja**

Rujukan Kami : Sh/UniMAP/PBGN/21/31  
Tarikh : 15 Oktober 2021

LIEYDA ABADI  
NO.28, LORONG HAJI HASSAN  
KAMPUNG SALANG, JALAN KAKI BUKIT  
01000 KANGAR, PERLIS

Tuan,

**SEBUTHARGA UNTUK : KERJA-KERJA PENYENGGARAAN ELEKTRIK BAГI LAMPU JALAN DAN  
KAWASAN UNTUK TEMPOH DUA (2) TAHUN DI KAMPUS ALAM UniMAP  
PAUH PUTRA, PERLIS UNTUK UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)**

**NO.SEBUTHARGA : Sh/UniMAP/PBGN/21/31**

Dengan ini dimaklumkan bahawa UniMAP telah bersetuju menerima tawaran sebut harga tuan dengan harga sebanyak Ringgit Malaysia : Empat Ratus Empat Ribu Empat Ratus Empat Sahaja (RM404,404.00) yang merupakan harga kontrak bagi tempoh kontrak selama 2 tahun tertakluk kepada dokumen sebut harga menjadi sebahagian daripada perolehan ini dan Surat Setuju Terima ini berserta dengan **Lampiran A** kepada Surat Setuju Terima iaitu maklumat terperinci kontrak (selepas ini disebut sebagai "Surat ini").

2. Dengan pengakuan penerimaan Surat ini berserta lampiran berkaitan, suatu kontrak yang mengikat terbentuk di antara UniMAP dengan syarikat tuan. Satu dokumen kontrak hendaklah ditandatangani dalam kadar segera dengan memasukkan semua terma sebagaimana dokumen sebut harga serta semua terma dalam **Lampiran A**. Sehingga dokumen kontrak tersebut ditandatangani, Surat ini hendaklah terus mengikat kedua-dua pihak.

3. Pelarasan harga dan kadar harga dalam \*Jadual Kadar Harga dan/atau Ringkasan Sebut harga atau Senarai Kuantiti, mengikut yang mana berkenaan setelah diteliti dan diselaraskan oleh UniMAP tentang kemunasabahannya, yang mana akan menjadi sebahagian daripada terma-terma kontrak. Walau bagaimana pun, Jumlah Harga Kontrak seperti di atas adalah kekal tidak berubah.

4. Tarikh milik tapak seperti yang disebutkan dalam Syarat-syarat Kontrak ialah pada **01 November 2021**. Walau bagaimanapun, tuan adalah diingatkan bahawa tiada kerja boleh dibuat **melainkan** jika tuan telah mengemukakan kepada UniMAP dokumen-dokumen berikut:

- \*(a) suatu bon pelaksanaan yang tidak boleh dibatalkan yang berjumlah Ringgit Malaysia: Dua Puluh Ribu Dua Ratus Dua Puluh Dan Sen Dua Puluh Sahaja (RM20,220.20) dan jika Bon Pelaksanaan gagal dikemukakan pada tarikh milik tapak, UniMAP berhak untuk melaksanakan kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan;
- \*(b) suatu polisi Insurans Tanggungan Awam (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang dan kerosakan kepada harta) nilai insurans tidak kurang daripada Ringgit Malaysia: Satu Ratus Ribu Sahaja (RM100,000.00);
- \*(c) suatu polisi Insurans Kerja bernilai Ringgit Malaysia : Empat Ratus Empat Ribu Empat Ratus Empat Sahaja (RM404,404.00)
- \*(d) nombor Kod Majikan di bawah Skim PERKESO dan/atau Polisi Pampasan Pekerja,
- \*(e) nombor Pendaftaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP),

mengikut ketetapan seperti di **Lampiran A**. Walau bagaimanapun, bagi memulakan kerja-kerja dan bukan maksud lain, tuan boleh menyerahkan Nota-nota Liputan bagi maksud polisi-polisi insurans tersebut dan

Tandatangan & Cop (UniMAP)

Universiti Malaysia Perlis

Tandatangan & Cop (Syarikat)

(RA:0006025-VV)

No. 28, Lorong Hj. Hassan,  
Kampung Salang, Jalan Kaki Bukit,  
01000 Kangar, Perlis.  
Tel: 013-4314933 / 012-4431000

resit-resit premium yang telah dibayar itu kepada Pegawai Pengguna. Tuan dikehendaki menyerahkan Polisi-polisi Insurans yang berkenaan (jika belum diserahkan) menurut perenggan 5 di atas, dalam tempoh tidak lewat 30 hari daripada tarikh penyerahan Nota-nota Liputan. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan, boleh mengakibatkan Surat ini terbatal dan UniMAP tidaklah dengan apa-apa cara jua bertanggungan terhadap tuan **melainkan jika** penepian bertulis diberikan oleh orang yang diberi kuasa, bagi kerja yang perlu dibuat dengan segera atau serta-merta apabila kelewatan itu akan memudarat dan menjelaskan perkhidmatan dan kepentingan awam.

5. Setelah arahan dikeluarkan oleh UniMAP, tuan dikehendaki melaksanakan kerja dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti kerja tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak UniMAP. Sekiranya tuan gagal melaksanakan kerja dalam tempoh yang ditetapkan, UniMAP berhak membatalkan arahan yang dikeluarkan dan/atau menganakan *Liquidated & Ascertained Damages* (LAD) seperti yang ditetapkan dalam **Lampiran A**.

6. Sekiranya syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma di perenggan 4 dan 5 atau arahan oleh UniMAP, UniMAP berhak untuk tidak mempertimbangkan sebarang tawaran kontrak baharu atau pelanjutan kontrak pada masa hadapan kepada syarikat tuan.

7. Syarikat tuan juga adalah diingatkan bahawa UniMAP berhak untuk membatalkan Surat ini sekiranya:

- a. syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma di perenggan 5 dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- b. syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma yang dinyatakan dalam Surat Akuan Pembida Berjaya;
- c. syarikat tuan gagal memulakan kerja dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh milik tapak;
- d. syarikat tuan telah membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan UniMAP bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- e. syarikat tuan membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- f. syarikat tuan terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses sebut harga sehingga dokumen kontrak ditandatangani;
- g. syarikat tuan telah memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya perkhidmatan tanpa kelulusan UniMAP terlebih dahulu. Sekiranya UniMAP meluluskan permohonan syarikat tuan untuk memberikan subkontrak sebahagian kerja atau keseluruhan kerja, kelulusan tersebut adalah tertakluk kepada syarikat tuan mengikat perjanjian hak (*Deed Of Assignment*) dengan Subkontraktor terlebih dahulu;
- h. syarikat gagal menyempurnakan kerja dalam tempoh yang ditetapkan seperti di **Lampiran A**;
- i. syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma/arahan di dalam dokumen sebut harga;
- j. syarikat tuan/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah telah disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia;
- k. syarikat tuan digulungkan;
- l. syarikat tuan membekal barang-barang yang tidak tulen, bukan baharu atau yang terpakai;

Tandatangan & Cop (UniMAP)

Tandatangan & Cop (Syarikat) **LIEYDA ABADI**  
(RA 0006025-W)

14/07/2016  
Date: 14/07/2016  
Signature: [Signature]

No. 28, Lorong 1/1 Hassan,  
Kampung Salang, Jalan Kaki Bukit,  
01000 Kangar, Perlis.  
Tel: 013-4314033 / 012-4437000

- m. kontraktor gagal/mungkir dalam melaksanakan tanggung jawabnya seperti mana ditetapkan dalam Syarat-syarat Kontrak;
- n. syarikat tuan tidak mendapat kelulusan daripada UniMAP terlebih dahulu bagi apa-apa penjualan atau pemindahan ekuiti sepanjang tempoh kontrak ini berkuat kuasa; atau
- o. terdapat perkara yang melibatkan kepentingan awam atau keselamatan dan kepentingan negara.

8. Sekiranya Surat ini dibatalkan atas alasan seperti yang ditetapkan di perenggan 7, UniMAP tidak akan bertanggungan terhadap apa-apa kerugian syarikat tuan termasuk kerugian masa hadapan.

9. Bersama-sama Surat ini disertakan Surat Akuan Pembida Berjaya dan Surat Akuan Sumpah Syarikat seperti di **Lampiran B** dan **Lampiran C** untuk ditandatangani oleh syarikat tuan dan dikembalikan bersama-sama dengan Surat ini.

10. Syarikat tuan juga adalah dikehendaki untuk mengemukakan dokumen berikut bersama-sama dengan Surat ini yang telah ditandatangan balas oleh tuan, untuk kelulusan Pegawai Penguasa sebelum memulakan kerja di tapak bina:

- a. Senarai nama subkontraktor berserta pengalamannya dengan menyatakan bahagian kerja yang terlibat; dan
- b. Program Kerja bagi pelaksanaan projek ini.

11. Berdasarkan kepada Tempoh Siap Kerja yang disebut hargakan selama **2 tahun**, Tarikh Siap untuk seluruh kerja-kerja di bawah kontrak ini ialah pada **31 Oktober 2023**.


12. Surat ini dihantar kepada syarikat tuan dalam **dua (2) salinan**. Sila kembalikan ke pejabat ini salinan asal berserta lampiran yang berkaitan yang telah ditandatangani dengan sempurna oleh syarikat tuan dan saksi syarikat tuan tidak melebihi **14 hari** dari tarikh Surat ini diterima untuk tindakan kami selanjutnya. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan boleh mengakibatkan Surat ini terbatal dan UniMAP tidaklah dengan apa-aja bertanggungan terhadap syarikat tuan.

Sekian, terima kasih.


"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"


"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"  
"Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan"

Saya yang menjalankan amanah,

  
(PROF. TS. DR. ZALIMAN BIN SAULI)

Naib Canselor

Tandatangan & Cop (UniMAP) :   
PROF. TS. DR. ZALIMAN BIN SAULI  
Naib Canselor  
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

Tandatangan & Cop (Syarikat)   
LIE YEDA ARADI  
(RA 0606025-W)  
No. 28, Lopang 2½, ibassan,  
Kampung Salang, Jalan Kaki Bukit,  
01000 Kangar, Perlis.  
Tel: 013-4314033 / 012-4931000

**PENGAKUAN PENERIMAAN SURAT SETUJU TERIMA DAN LAMPIRAN YANG BERKAITAN OLEH  
SYARIKAT**

Dengan ini disahkan bahawa yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan Surat ini dan lampiran yang berkaitan yang rujukannya ialah Sh/UniMAP/PBGN/21/31 bertarikh 15 Oktober 2021 dan bersetuju dengan terma dan syarat yang terkandung dalam Surat ini tanpa syarat yang mana salinan kepada Surat ini telah pun disimpan, dan selanjutnya disahkan bahawa tiada apa-apa terma, syarat atau stipulasi tambahan kepada yang terkandung dalam dokumen sebut harga dan Surat ini telah dikenakan.

(Tandatangan Syarikat)

Nama Penuh: MOHD FAIZLY BIN ABOL HAMID

No. Kad Pengenalan: 810305 - 09 - 5149

Alamat:

No. 28, Lorong Hj. Hassan,  
Kampung Salang,  
Jalan Kaki Bukit,  
01000 Kangar, Perlis.

Tarikh: 18.10.2021

(Tandatangan Saksi Syarikat)

Nama Penuh: ROGAYAH BINTI ZULKARIAH

No. Kad Pengenalan: 850707 - 08 - 5556

Alamat:

No. 28, Lorong Hj. Hassan,  
Kampung Salang,  
Jalan Kaki Bukit,  
01000 Kangar, Perlis. Tarikh: 18.10.2021

Meterai ATAU Cop Syarikat

**LIEYDA ABADI**

(RA 0006025-W)

No. 28, Lorong Hj. Hassan,  
Kampung Salang, Jalan Kaki Bukit,  
01000 Kangar, Perlis.

Tel : 013-4314033 / 012-4431000

Tandatangan & Cop (UniMAP) : .....  
PROF. TS. DR. ZA.....  
Neff. Canselor,  
Universiti Malaysia Perlis

Tandatangan & Cop (Syarikat) : **LIEYDA ABADI**

(RA 0006025-W)

No. 28, Lorong Hj. Hassan,  
Kampung Salang, Jalan Kaki Bukit,  
01000 Kangar, Perlis.  
Tel : 013-4314033 / 012-4431000

## BUTIRAN KONTRAK

**KERJA-KERJA PENYENGGARAAN ELEKTRIK BAGI LAMPU JALAN DAN KAWASAN UNTUK  
TEMPOH DUA (2) TAHUN DI KAMPUS ALAM UniMAP PAUH PUTRA, PERLIS UNTUK UNIVERSITI  
MALAYSIA PERLIS (UniMAP)**

**1. Pendaftaran Syarikat Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Atau Pendaftaran Koperasi  
Dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) (jika berkaitan)**

1.1 No. Pendaftaran : 200603001257 (CRA 0006025 - W)  
 1.2 Tempoh Sah Laku : 5 JANUARI 2027

**2. Pendaftaran dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Di Bawah  
Perakuan Pendaftaran Kontraktor**

2.1 No. Pendaftaran : 0120060713 - PS109926  
 2.2 Tempoh Sah Laku : 06.04.2021 - 24.05.2024  
 2.3 Gred : G2  
 2.4 Kategori : ME  
 2.5 Pengkhususan : E01, E02, E03, E06, E09, E10, E11, E16, E17, E21,  
M01, M02, M15, E04

**3. Pendaftaran dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Di Bawah  
Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (jika berdaftar)**

3.1 No. Pendaftaran : 0120060713 - PS109926  
 3.2 Tempoh Sah Laku : 4.5.2021 - 24.5.2024  
 3.3 Gred : G2  
 3.4 Kategori : ME  
 3.5 Pengkhususan : MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL

**4. Pendaftaran dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) (Sijil  
Bumiputera) (jika berdaftar)**

4.1 No. Pendaftaran : 0120060713 - PS109926  
 4.2 Tempoh Sah Laku : 18.5.2021 - 24.5.2024  
 4.3 Gred Kontraktor : G2

**5. Pendaftaran dengan Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan Perkhidmatan Negeri  
Sabah (PUKONSA) (jika berdaftar)**

5.1 No. Pendaftaran : .....  
 5.2 Tempoh Sah Laku : .....  
 5.3 Gred Kontraktor : .....  
 5.4 Kepala : .....

Tandatangan &amp; Cop (UniMAP)

Tandatangan & Cop (Syarikat) LIEYDA ABADI  
(RA 0006025-W)

No. 28, Lopang 44, Taman,  
Kampung Salang, Jalan Kaka Bukit,  
01000 Kangar, Perlis.  
Tel. 013-4314033 / 012-4431900

No. Sebut harga: Sh/UniMAP/PBGN/21/31

5.5 Sub Kepala : .....

6. Pendaftaran dengan Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding, Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak (UPKJ) (jika berdaftar)

6.1 No. Pendaftaran : .....

6.2 Tempoh Sah Laku : .....

6.3 Gred Kontraktor : .....

6.4 Kod Bidang : .....

7. Harga dan Tempoh Kontrak

7.1 Harga Sebut harga (butiran : RM404,404.00  
Harga seperti di **Jadual Tawaran**)

7.2 Harga Kontrak : RM404,404.00

7.3 Tempoh Kontrak : 2 Tahun

7.4 Tarikh Milik Tapak : 01 November 2021

7.5 Tarikh Siap Kerja : 31 Oktober 2023

8. \*Bon Pelaksanaan

8.1 Kadar Bon Pelaksanaan : 5%

8.2 Formula Bon Pelaksanaan : 5% x RM404,404.00 (Nilai Kontrak)

8.3 Nilai Bon Pelaksanaan : RM20,220.20

8.4 Bentuk Bon Pelaksanaan : Jaminan Bank/ Bank Islam/ Bank Pembangunan Malaysia Berhad, atau Jaminan Syarikat Kewangan; atau Jaminan Insurans/ Takaful.

Jikalau Bon Pelaksanaan gagal dikemukakan pada tarikh milik tapak, UniMAP berhak untuk melaksanakan kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP).

8.5 Tempoh Sah Laku : \*Dari tarikh kuat kuasa kontrak sehingga 12 bulan selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) – bagi projek bernilai sehingga RM10 juta; atau

\*Dari tarikh kuat kuasa kontrak sehingga 24 bulan selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) – bagi projek bernilai melebihi RM10 juta.

Mengikut format yang ditetapkan oleh UniMAP seperti di **Borang B**

Tandatangan & Cop (UniMAP): ISYOR ZAINAL SAT

Pato Canselor

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

  
**LIEYDA ARADI**  
RA:0006025-WJ

No. 28, Lorong Hj. Hassan,  
Kampung Salong, **BAU**,  
01000 Kangar, Perlis.  
Tel: 013-4314033 / 012-4431000

9.1 Nilai Polis (RM) : Ringgit Malaysia : Empat Ratus Empat Ribu Empat Ratus Empat Sahaja (RM404,404.00)

9.2 Tempoh Perlindungan : Meliputi tempoh kontrak

**10. \*Polisi Insurans Tanggungan Awam**

10.1 Nilai Polis (RM) : Ringgit Malaysia: Satu Ratus Ribu Sahaja (RM100,000.00)

10.2 Tempoh Perlindungan : Meliputi tempoh kontrak, tempoh perlindungan kecacatan dan 3 bulan **14 hari**

**11. Kenaan Liquidated & Ascertained Damages (LAD)**

(Lewat menyiapkan kerja mengikut jadual yang ditetapkan)

11.1 Formula : - seperti yang ditetapkan dalam Syarat-syarat Sebutharga -

11.2 Kadar sehari : **RM 50.00 per hari**

Tandatangan & Cop (UniMAP)  
PROF. TS. DR. ZULIMAN JALI  
NHL CONSIDER  
Universiti Malaysia Pahang (UMPAH)

  
**LIEYDA ABADI**  
RA0006025-WV

No. 28, Lorong Hj. Hassan,  
Kampung Salang, Padang Riai, Perlis.  
01000 Kangar, Perlis.  
Tel. 013-4314033 / 012-4437309

**Salinan Kepada :**

Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Bahagian Perolehan Kerajaan  
Aras 4, Blok Utara, Kompleks Kementerian Kewangan  
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
**62592 PUTRAJAYA**  
(u.p. : Ketua Seksyen Dasar Perolehan)

Ketua Pegawai Eksekutif  
Ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia  
Menara Hasil  
Aras 18, Persiaran Rimba Permai, Cyber 8  
**63000 CYBERJAYA**  
(u.p.: Pengarah Jabatan Pematuhan Cukai)

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Wang Simpanan Pekerja  
Jabatan Penguatkuasaan Tingkat 13, Bangunan KWSP,  
**Jalan Raja Laut 50350, KUALA KUMPUR**  
(u.p.: Ketua Unit Forensik Majikan dan Hubungan Luar, Seksyen Operasi)

Pengarah,  
Jabatan Pembangunan, UniMAP

Penasihat Undang-Undang  
Pejabat Penasihat Undang-Undang & Integriti  
UniMAP

Tandatangan & Cop (UniMAP) : .....  
PROF. ISMAIL ZAKI .....  
HOD CENSO .....  
Universiti Malaysia Perlis

Tandatangan & Cop (Syarikat) : ... (RA 8006025-W) .....  
**LIE YDIA'ABADI**  
No. 28, Lorong Hj. Hassan,  
Kampung Salang, Jaya 3119 Bukit,  
01000 Kangar, Perlis.  
Tel: 013-4314033 / 012-4431000

**SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA**

**KERJA-KERJA PENYENGGARAAN ELEKTRIK BAGI LAMPU JALAN DAN KAWASAN UNTUK  
TEMPOH DUA (2) TAHUN DI KAMPUS ALAM UniMAP PAUH PUTRA, PERLIS UNTUK UNIVERSITI  
MALAYSIA PERLIS (UniMAP)**

Sh/UniMAP/PBGN/21/31

Saya, MOHD FAZLY, BIN ABOL HAMID, nombor K.P. 810305 - 09 - 5149 yang mewakili LIEYDA ABADI (nama syarikat) ABADI, nombor pendaftaran (\*MOF/CIDB/SSM) RA 0006025-W dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatkan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan mengikut peraturan perolehan UniMAP yang berkuat kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

(Nama dan No. KP) Mohd Fazly Bin Abol Hamid

810305 - 09 - 5149

Cop Syarikat :

Catatan: LIEYDA ABADI

- i. Potong mana yang tidak berkenaan
- ii. Surat aktian ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa  
No. 28, Lorong Hj. Hassan,  
Kampung Salang, Jalan Raja Burhan,  
01000 Kangar, Perlis.  
Tel : 013-4314033 / 012-4431000

Tandatangan & Cop (UniMAP) :

Tandatangan & Cop (Syarikat) : ...(RA 0006025-W)....

LIEYDA ABADI  
No. 28, Lorong Hj. Hassan,  
Kampung Salang, ~~Jalan Raja Burhan~~ Bukit,  
01000 Kangar, Perlis.  
Tel : 013-4314033 / 012-4431000

SURAT AKUAN SUMPAH SYARIKAT

Saya MOHD FAIZY BIN ABDL HAMID, nomor kad pengenalan 810305 - 09-5149 yang mewakili syarikat LIEYDA ABADI, nomor pendaftaran RA 0006025-W (\*MOF/CIDB/SSM) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bawah:

- i. syarikat **TIDAK** membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan UniMAP bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- ii. syarikat **TIDAK** membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- iii. syarikat **TIDAK** terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses \*sebut harga/sebut harga sehingga dokumen kontrak ditandatangani;
- iv. syarikat/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah **TIDAK** disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia; dan
- v. syarikat **TIDAK** digulungkan.


Sekiranya pada bila-bila masa, dibuktikan bahawa pengisytiharan perenggan di atas adalah tidak benar, UniMAP berhak menarik balik tawaran kontrak atau menamatkan perkhidmatan syarikat bagi projek ini.

Dan saya membuat Surat Akuan Bersumpah ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar serta menurut Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan  
sebenar-benarnya diakui oleh

..... No. 2, Blok A,.....  
di..... Pusat Transformasi Bandar (UTC) Perlis,.....  
pada .....01000 Kangar, Perlis.

20 OCT 2021



Catatan:

- i. \*Potong mana yang tidak berkenaan.
- ii. Surat akuan ini hendaklah ditandatangani oleh hanya penama di sijil pendaftaran MOF/CIDB.

Tandatangan & Cop (UniMAP)

Tandatangan & Cop (Syarikat): RA 0006025-W

No. 28, Lorong Hj Hassan,  
Kampung Salang, Jidga Tokkabukit,  
01000 Kangar, Perlis.  
Tel: 013-4314033 / 012-4431000



KERAJAAN MALAYSIA

*EN QS*

**IBU PEJABAT  
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA  
MENARA HASIL  
PERSIARAN RIMBA PERMAI  
CYBER 8, 63000 CYBERJAYA  
SELANGOR DARUL EHSAN**

**RESIT RASMI SETEM**

ASAL

**STAMP OFFICIAL RECEIPT**

(Sila lekatkan resit rasmi setem ini ke atas surat cara sebagai bukti penyeteman)

Please attach this stamp official receipt to the instrument as evidence of stamping

**Cara Bayaran** *Payment Method*

TUNAI

**No. Adjudikasi** *Adjudication No.*

R018CT210499880

**Jenis Surat Cara** *Type Of Instrument*SURAT SETUJU TERIMA (BAGI SEBUT HARGA KERJA) UNTUK  
PEROLEHAN BAGI KERJA**Tarikh Surat Cara** *Date Of Instrument*

15/10/2021

**Balasan** *Consideration*

RM 404,404.00

**Maklumat Pihak Pertama / Penjual / Pemberi** *First Party / Vendor / Transferor / Assignor*

UNIMAPS, NO SYARIKAT 00000

**Maklumat Pihak Kedua / Pembeli / Penerima** *Second Party / Purchaser / Transferee / Assignee*

LIEYDA ABADI, NO SYARIKAT RA0006025-W

**Butiran Harta / Suratcara** *Property / Instrument Description*KERJA-KERJA PENYENGGARAAN ELEKTRIK BAGI LAMPU JALAN DAN KAWASAN UNTUK TEMPOH DUA (2)  
TAHUN DI KAMPUS ALAM UNIMAPS PAUH PUTRA, PERLIS UNTUK UNIVERSITI MALAYSIA PERLAIS  
(UNIMAPS)

Dengan ini disahkan surat cara ini disetem dan diindors seperti maklumat di bawah;  
*This is to certify this instrument is stamped and indorsed as below:*

<b>No. Resit Rasmi Setem</b> <i>Stamp Official Receipt No.</i>	R0180C211265937
<b>Tarikh Penyeteman</b> <i>Date of Stamping</i>	20/10/2021
<b>Duti Setem Dikenakan</b> <i>Amount of Stamp Duty</i>	RM 405.00
<b>Penalti</b> <i>Penalty</i>	RM 0.00
<b>Pelarasan</b> <i>Adjustment</i>	RM 0.00
<b>Jumlah Dibayar</b> <i>Total Amount Paid</i>	RM 405.00
<b>Indorsemen</b> <i>Indorsement (Akta Setem 1949)</i>	Seksyen 37, (P.U. (A) 476/2010)
 	
<b>Pemungut Dulu Setem</b>	

No. Kelulusan Perbendaharaan *Treasury Approval No.* : KK/BSKK/10/600-2/1/2(60)Tarikh Cetak *Printed Date* : 20/10/2021 09:07:35

Pengesahan ketulenan Resit Rasmi Setem ini boleh dipastikan di stamps.hasil.gov.my atau melalui aplikasi telefon pintar  
*The authenticity of this Stamp Official Receipt can be verified at stamps.hasil.gov.my or by mobile app*

Ini adalah cetakan komputer dan tidak perlu ditandatangani  
*This is a computer generated printout and no signature is required*